

Diam atas kebenaran umpama syaitan yang bisu

TM

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) |

MOTIVASI · FARDUAIN ·

WSS

Semakin benci kita kepada kemungkaran, maka semakin meningkat rasa kasih dan kasihan kita kepada pelakunya. Kemungkaran itu umpama api yang membakar pelakunya. Ayuh, selamatkan mereka dengan kasih sayang.

## Amar Nahi Makruf Mungkar



ISU No. 44

### Qadar Allah yang Boleh Diubah

Adakah qadar Allah mungkin boleh berubah? Ada disebutkan ungkapan bahawa qadar tidak boleh ditolak melainkan dengan doa.

Jika qadar menetapkan kita sakit, bukankah kita boleh berusaha untuk menjadi tidak sakit?

Kalau qadar menetapkan kita akan terlibat dengan kemalangan, tidakkah kita boleh berusaha untuk mengelakkan daripada kemalangan itu berlaku?

> hlm. 101

### > Generasi Terakhir Umat Manusia

hlm. 111

### > Antara Kerjaya, Keluarga dan Dakwah

hlm. 14

### > Di Sebalik Secebis Kain...

hlm. 52



Imbas kod untuk ke  
Facebook Majalah Solusi

ISSN 1985-5400

>  
44

RM 10.00 (SEM)  
RM 12.00 (S/S)  
SGD 7.50  
BND 7.50  
USD 10.00  
EUR 8.00  
IDR 35,000.00  
AUD 7.50

9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
(Incorporated in Malaysia)

Islam amat menitik-beratkan perkembangan dan pembangunan manusia secara seimbang. Pembentukan dan perkembangan tersebut perlu selaras dengan fitrah yang sudah sedia tertanam dalam diri setiap manusia.

Salah satu fitrah yang ada pada setiap manusia ialah dorongan biologi atau seksual. Sekiranya dorongan seksual ini disalurkan dengan cara yang baik, maka ia akan memberi manfaat kepada seseorang. Sebaliknya jika ia disalahgunakan, kesan negatif akan membelenggu individu dan masyarakat. Oleh sebab itu, pengetahuan dan pengurusan seks yang betul perlulah disemai dan dibaja oleh ibu bapa ke dalam diri anak-anak mereka.

Bagi membentuk dorongan seksual anak-anak agar selari dengan syariat Allah s.w.t., Rasulullah s.a.w. telah memberikan garis panduan berbentuk perintah dan larangan kepada ibu bapa. Garis panduan yang telah ditentukan oleh Baginda bertujuan agar anak-anak terpelihara dan terkawal daripada dorongan seksual yang salah.

### Asas-Asas Pembentukan Dorongan Seksual Anak-Anak

Terdapat beberapa asas yang perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memberi pendedahan berkaitan pendidikan seksual kepada anak-anak. Antara asas-asas tersebut adalah:

#### Asas 1: Meminta Izin

Kebanyakan masa anak-anak dihabiskan di rumah dan pergerakan mereka berlebar di sekitar rumah. Oleh sebab itu, ibu bapa harus mengajar anak-anak agar tidak masuk ke dalam ruang tertentu di dalam rumah tanpa meminta izin terlebih dahulu. Ibu bapa juga seharusnya menetapkan masa-masa tertentu untuk anak-anak tidak masuk ke dalam bilik mereka. Waktu-waktu tersebut adalah:

- Menjelang solat Subuh.
- Waktu tengah hari.
- Setelah solat Isyak.

# Mengajar Anak-Anak Pendidikan Seks Menurut Panduan Rasulullah s.a.w.

Sekiranya diperhatikan, waktu yang dinyatakan tersebut ialah masa kebiasaan bagi ibu bapa berada di dalam bilik, untuk berehat, tidur atau membuka dan menyalin pakaian. Oleh yang demikian, anak-anak yang mumaiyiz wajib meminta izin terlebih dahulu sebelum memasuki bilik ibu bapa mereka pada waktu-waktu tersebut.

#### Asas 2: Menutup Aurat

Secara psikologinya, apa yang dilihat oleh anak-anak pada usia muda boleh mempengaruhi kehidupan mereka pada masa hadapan. Kadangkala, perkara yang tidak sepatutnya dilihat oleh anak-anak kecil boleh menyebabkan berlakunya penyakit jiwa sekiranya dilakukan oleh mereka. Perkara ini mungkin tidak disedari oleh sesetengah ibu bapa, namun ia amat penting untuk diajar kepada anak-anak.

Sebab itulah anak-anak perlu meminta izin terlebih dahulu sebelum memasuki bilik ibu bapa kerana kemungkinan aurat mereka terbuka ketika berada di dalam bilik. Inilah perkara penting yang ditekankan oleh Rasulullah s.a.w. kepada para ibu bapa dan anak-anak. (*Al-Adab al-Mufrad*)

Selain ibu bapa yang perlu menjaga aurat, anak-anak juga perlu dididik agar menjaga batasan aurat mereka sama ada ketika berada di dalam atau luar rumah. Pendidikan anak-anak agar menutup aurat kepada anak-anak haruslah seiring dengan pendidikan mereka dalam melakukan ibadah solat. Ini kerana pemakaian anak-anak ketika solat mesti menutup aurat dengan sempurna, agar solat mereka

#### Aurat Oh Aurat!

Batasan aurat seorang wanita dengan mahramnya antara pusat hingga lutut. Walaupun begitu, mereka dikehendaki menutup mana-mana bahagian tubuh yang boleh menaikkan syahwat lelaki walaupun dengan mahram sendiri. Ini bertujuan untuk mencegah daripada berlakunya perbuatan sumbang mahram.

betul dan sah sejak kecil lagi. Kesannya, anak-anak lelaki atau perempuan akan membesar dalam keadaan selesa dan sudah terbiasa dengan menutup aurat.

Justeru, ibu bapa haruslah selalu menutup aurat mereka di hadapan anak-anak pada setiap waktu bagi mencegah penyakit jiwa akibat dorongan seksual negatif.

#### Asas 3: Menundukkan Pandangan

Sesungguhnya penglihatan dan pandangan merupakan pintu untuk anak-anak menyaksikan dunia luar. Apa-apa sahaja yang dilihat oleh anak-anak melalui kedua-dua mata mereka akan tergambar dalam pemikiran, jiwa dan ingatan dengan cepat. Oleh sebab itu, ajari anak-anak agar sentiasa menundukkan pandangan daripada aurat yang tidak halal bagi mereka sama ada di dalam atau luar rumah. Apabila mereka sudah terbiasa menundukkan pandangan, insya-Allah mereka akan terpelihara daripada dorongan seksual negatif.

Kadangkala anak-anak mudah alpa dan leka. Persekutuan yang "tercemar" menyebabkan pandangan anak-anak terpuncak kepada wanita-wanita seksi dan perkara haram dengan pandangan nafsu dan syahwat. Apabila berada dalam situasi ini, Rasulullah s.a.w. mengajar anak-anak agar "berjuang" untuk menundukkan pandangan mereka.

Al-Bukhari, al-Tirmizi dan Abu Daud telah merekodkan hadis bahawa Abdullah Ibn Abbas r.a. berkata: "Al-Fadl bin Abbas berada di belakang Rasulullah s.a.w., tiba-tiba seorang wanita dari Khuth'am datang berjumpa Baginda untuk meminta fatwa. Lalu al-Fadl dan wanita tadi saling berpandangan. Melihat keadaan itu, Rasulullah s.a.w. memalingkan wajah al-Fadl ke arah lain."

Al-Fadl berkata: "Aku sempat memandangnya. Lalu Nabi s.a.w. melihatku dan segera memalingkan wajahku daripada wajahnya. Kemudian aku mengulanginya kembali, lalu Baginda memalingkan wajahku daripada wajahnya. Baginda melakukan perkara itu sebanyak tiga kali." (*Al-Musnad*, jil. 1, hlm. 211)

#### **Asas 4: Memisahkan Tempat Tidur**

Pemisahan tempat tidur merupakan antara asas yang penting dalam pendidikan dan pengurusan seksual anak-anak. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. melalui hadis yang direkodkan oleh Abu Daud, maksudnya: "Perintahkan anak-anak kamu untuk solat pada usia tujuh tahun. Pukullah mereka apabila meninggalkan solat pada usia 10 tahun dan pisahkanlah tempat tidur mereka."

Berdasarkan hadis di atas, pemisahan anak-anak perlu bermula ketika mereka berusia 10 tahun atau dari tujuh hingga 10 tahun (menurut pendapat yang lain) kerana kecenderungan dan dorongan seksual anak-anak mula berkembang pada usia ini. Oleh sebab itu, dua orang anak tidak boleh tidur di dalam sehelia selimut dan anak lelaki tidak boleh tidur sebilik bersama-sama adik-beradik perempuan yang lain.

Tidur di atas katil yang sama dalam sebuah selimut akan menimbulkan ghairah seksual anak-anak dengan cepat. Ketika nafsu berahi anak-anak semakin memuncak dan mereka tiada jalan untuk menyalurkannya, maka berkemungkinan mereka akan melakukan penyimpangan seksual atau hubungan terlarang. Namun, jika anak-anak lelaki tidur di atas sebuah katil dengan dua helai selimut yang berbeza, maka ia dibolehkan.

Menurut al-Dahlawi: "Sesungguhnya perintah pemisahan tempat tidur pada usia 10 tahun dilakukan kerana anak-anak

mendekati usia baligh pada waktu itu. Dari tempat tidur yang membangkitkan ghairah seksual. Oleh sebab itu, perlu ada langkah-langkah pencegahan untuk mencegah daripada kerosakan moral anak-anak." (*Hujjah Allah al-Balighah*, jil. 1, hlm. 186)

Sedar atau tidak, realitinya hubungan terlarang seperti ini sudah semakin berleluasa dalam kalangan adik-beradik kan-dung tanpa pengetahuan ibu bapa mereka. "Pencerobohan tabiat" ini telah mengakibatkan anak-anak yang tidak berdosa musnah dan hancur. Oleh sebab itu, ibu bapa harus mendedahkan pendidikan beritaian seks bermula dari rumah dan cuba memahami dorongan seksual anak-anak.

#### **Asas 5: Tidur Mengiring ke Kanan**

Antara sunnah Rasulullah s.a.w. ialah tidur dengan posisi mengiring di sebelah lambung kanan. Posisi tidur tersebut membantu untuk mencegah timbulnya nafsu syahwat anak-anak. Tidur yang tidak digalakkan pula ialah tidur meniarap yang boleh membangkitkan syahwat mereka.

Oleh sebab itu, apabila ibu bapa melihat anak-anak mereka tidur dalam posisi meniarap, mereka perlu mengubah posisi tidur anak-anak dan mendidik mereka supaya mencontohi cara tidur Rasulullah s.a.w.

#### **Asas 6: Menjauhkan Anak-Anak daripada Pergaulan Bebas**

Pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan yang tidak terkawal akan membawa kepada kerosakan kepada institusi keluarga dan masyarakat. Antara kesan negatif yang sering berlaku ialah masalah perzinaan dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh sebab itu, pergaulan bebas antara lelaki dengan wanita perlu dicegah dari awal lagi dan ibu bapa perlu memainkan peranan besar bagi memastikan anak-anak mereka tidak terlalu bebas apabila bersosial di luar rumah.

#### **Penjelasan Tentang Masalah Zina**

Masalah zina juga perlu dijelaskan kepada anak-anak terutama kesannya kepada individu dan masyarakat. Dalam *Silsilah al-Ahadiyah al-Sahihah* ada menceritakan tentang seorang lelaki Quraisy datang berjumpa Rasulullah s.a.w. Berikut merupakan dialog antara Rasulullah s.a.w. dengan lelaki Quraisy tersebut:

Lelaki Quraisy: "Ya Rasulullah, izinkan aku berzina."

Rasulullah s.a.w.: "Adakah kamu suka sekiranya ada lelaki yang berzina dengan ibumu?"

Lelaki Quraisy: "Tidak."

Rasulullah s.a.w.: "Begini juga orang lain, mereka tidak mahu ada lelaki lain

## **Batasan Aurat**

Lelaki  
di hadapan wanita mahram = Antara pusat hingga lutut

Wanita  
di hadapan lelaki mahram = Antara pusat hingga lutut

berzina dengan ibu mereka. Adakah kamu suka sekiranya ada lelaki yang berzina dengan anak perempuan kamu?"

Lelaki Quraisy: "Tidak."

Rasulullah s.a.w.: "Begini juga orang lain, mereka tidak mahu ada lelaki lain berzina dengan anak perempuan mereka. Adakah kamu suka sekiranya ada lelaki yang berzina dengan saudara perempuan kamu?"

Lelaki Quraisy: "Tidak."

Begitulah pendekatan Rasulullah s.a.w. secara psikologi ketika menerangkan tentang keburukan berzina dan kesannya.

#### **Solusi daripada Inti Pati Surah al-Nur**

Selain Rasulullah s.a.w., para *salafus-soleh* juga memberikan solusi masalah zina dan keruntuhan akhlak kepada ibu bapa agar mengajarkan anak-anak mereka surah al-Nur sebagai langkah-langkah pencegahan, disertai dengan penjelasan terhadap inti pati terutama kepada anak-anak perempuan.

Imam Mujahid meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Ajarkan anak-anak lelaki kamu surah al-Ma'idah dan ajarkan anak-anak perempuan kamu surah al-Nur." (*Al-Jami' al-Saghir*, jil. 4, hlm. 328)

Al-Jahiz pula berkata: "Sesungguhnya, para pendidik harus memberikan perhatian khusus terhadap hafalan surah al-Nur bagi anak-anak perempuan." (*Al-Bayan wa al-Tabyin*, jil. 2, hlm. 92)

Antara kandungan surah al-Nur ialah:

- Menundukkan pandangan daripada melihat perkara yang haram.
- Mengawal kemaluan dan maruah diri.
- Tidak boleh menampakkan perhiasan mereka kecuali apa-apa yang terzahir. S



Lulusan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Malaya. Kini sebagai pensyarah di UIAM. Berpengalaman dalam bidang motivasi dan kepimpinan dan aktif dalam penerbitan buku. Boleh dihubungi di: mohdazrulazlan@gmail.com.

MOHD AZRUL AZLEN ABD HAMID